



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No. Sebut Harga : PPJ/JL/SH(S)/0009/2026)

Tajuk Sebut Harga :

KERJA - KERJA NAIKTARAF DAN PEMBAIKAN KEBUN KOMUNITI ZON B – KEBUN KOMUNITI PUTRA HARMONI DAN KEBUN KOMUNITI 1 (KK1) PRESINT 9, KEBUN KOMUNITI 2 (KK2) PRESINT 8 DAN KEBUN KOMUNITI JALAN P11K PRESINT 11 SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN.

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja, dan berdaftar di dalam **Gred G3, Kategori KEJURUTERAAN AWAM (CE), Pengkhususan CE14 (Landskap diluar bangunan) & CE21 (Pembinaan kejuruteraan awam)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini. Surat kebenaran khas dari CIDB adalah **TIDAK** dibenarkan.
2. Taklimat dan lawatan tapak sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **22 SEPTEMBER 2026 (SELASA), jam 10:00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di dalam SPKK adalah diwajibkan. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Cap Syarikat** semasa sesi taklimat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **25 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT)** hingga **30 SEPTEMBER 2026 (RABU)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web **<https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>**.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **6 OKTOBER 2026 (SELASA)**.
5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat **spp@ppj.gov.my**
6. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat **<https://www.ppj.gov.my>**, portal MyPROCUREMENT **<https://myprocurement.treasury.gov.my>** dan portal JPM **<https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>**.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web **<https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat **bantuan.coins@ppj.gov.my**.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.